

### LMA5393 (PINDAAN) - PENGESAHAN PENYAKIT MUDAH JANGKIT

1. Polisi ini, tertakluk kepada semua terma, syarat dan pengecualian yang berkaitan, melindungi kerugian yang berpunca dari kehilangan fizikal terus atau kerosakan fizikal yang berlaku semasa tempoh diinsuranskan. Oleh itu walaupun terdapat peruntukan lain yang bertentangan dalam polisi ini, polisi ini tidak akan melindungi sebarang kehilangan, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau apa-apa jua perbelanjaan, secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh, berpunca daripada, akibat daripada, menyumbang kepada atau berkaitan dengan (tanpa menghiraukan sama ada ia terjadi serentak atau dalam apa sahaja turutan) sesuatu Penyakit Mudah Jangkit atau kebimbangan atau ancaman (sama ada sebenar atau dianggap) sesuatu Penyakit Mudah Jangkit.
2. Bagi tujuan pengesahan ini, kehilangan, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau apa-apa jua perbelanjaan termasuk, dan tidak terhad kepada, kos pembersihan, detoksifikasi, menyahkan, pengawasan atau ujian:
  - 2.1. untuk sesuatu Penyakit Mudah Jangkit, atau
  - 2.2. sebarang harta yang diinsuranskan di bawah ini yang terjejas akibat Penyakit Berjangkit sedemikian.
3. Seperti yang terkandung di dalam ini, Penyakit Berjangkit bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui sebarang bahan atau agen daripada apa sahaja organisma kepada organisma lain yang mana:
  - 3.1. bahan atau agen tersebut terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakterium, parasit atau organisma lain atau ubahannya, sama ada dianggap hidup atau tidak, dan
  - 3.2. cara jangkitan, sama ada langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, carajangkitan bawaan udara, carajangkitan cecair badan, carajangkitan daripada atau kepada sebarang permukaan atau objek, pejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
  - 3.3. penyakit, bahan atau agen tersebut boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada kesihatan manusia atau kebijakan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta yang diinsuranskan di bawah ini.
4. Pengesahan ini tertakluk kepada semua perlanjutan perlindungan, perlindungan tambahan, kekecualian kepada sebarang pengecualian dan geran perlindungan yang lain.

Semua terma, syarat dan pengecualian polisi yang lain dikekalkan.